



DR. MAHATHIR MOHAMAD menjawab pertanyaan wartawan selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) PPBM di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin. - BERNAMA

Bekas UMNO boleh sertai Bersatu

Oleh **SOFIAN BAHAROM**
dan **HAKIMI ISMAIL**

pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 29 OGOS**

SEMUA ahli termasuk pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang membuat sebarang pengumuman sehingga merosakkan imej parti akan dikenakan tindakan.

Menurut Pengerusi Bersatu, Tun Dr. Mahathir Mohamad, mereka yang merosakkan imej akan dihadapkan ke Majlis Disiplin sebelum tindakan diambil mengikut cadangan majlis berkenaan.

"Perlu ada disiplin dalam parti khususnya Ahli Majlis Presiden dan Majlis Tertinggi iaitu mereka yang ada memegang jawatan perlu berhati-hati dalam membuat pengumuman.

"Kalau buat pengumuman yang rosakkan imej parti, tindakan akan diambil terhadap mereka. Contohnya, kata kononnya Pakatan Harapan (PH) akan kalah," katanya.

Terdahulu, Dr. Mahathir mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) PPBM di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, mesyuarat itu turut memutuskan untuk mengadakan Mesyuarat Agung pada tahun hadapan dan ianya hanya boleh disertai oleh ahli yang membayar yuran sahaja.

"Persidangan di setiap cawangan parti akan diadakan bermula 25 Januari hingga Mac 2020, peringkat bahagian pula pada 4 April dan Pemilihan Agung Tahunan adalah pada 20 Jun.

"Dalam mesyuarat hari ini,

kita juga telah bersetuju untuk melantik Tan Sri Syed Hamid Albar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Agung Bersatu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir memaklumkan Bersatu tidak pernah melantik mana-mana pihak untuk mewakili parti berkenaan sebagai ketua strategik.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, semua pemimpin UMNO yang sudah keluar parti dan menjadi wakil Bebas kini boleh menyertai Bersatu.

Beliau berkata, bagaimanapun pelawaan berkenaan hanya untuk pemimpin yang tidak mempunyai masalah.

"Kalau mereka yang ada kes mahkamah kita tidak dapat terima, hanya mereka yang tidak terlibat sahaja diterima," katanya.